

ISU-ISU KESELAMATAN SABAH DAN IMPAK KEPADA MALAYSIA

(Issues in Sabah Security and Its Impact to Malaysia)

Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah

Abstract

Security used to be the domain of realism. The realists have been emphasising on power and the state as the dominant international actor. However, they have changed this concept during the last few decades. Security threats not only emanate from state actors but also from other non-state actors, such as terrorist groups, illegal migrants or environmental pollution. This article will analyse security issues pertaining to Sabah. Among the issues discussed in this article are the piracy issue, territorial claims, political development in the southern Philippines, illegal immigrants and the issue of loyalty. All the issues mentioned threaten Sabah's security. This article is based on observation, interviews and data collected throughout Sabah. This article concludes that the new security threats are real and, thus, require the government's total commitment in tackling the issues.

Keywords: Realism, national security, illegal immigrants, piracy, and dispute

Pengenalan

Semenjak memasuki Malaysia pada 1963, Sabah berhadapan beberapa isu besar yang dianggap sangat penting kepada keselamatan negara dan ini menuntut penglibatan secara langsung kerajaan pusat untuk berhadapan dengan isu ini. Berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia, Sabah merupakan negeri yang dikelilingi oleh beberapa buah negara jiran yang menghadapi masalah dalaman (terutamanya Filipina dan Indonesia) yang secara tidak langsung memberikan impak keselamatan yang sangat besar kepada Malaysia. Kedudukan geografinya yang 'tidak strategik' ini pastinya akan memberikan kesan buruk jika ia tidak ditangani dengan bijak samada melalui kaedah unilateral, bilateral ataupun multilateral. Justeru artikel ini cuba meninjau isu-isu keselamatan di Sabah yang memberikan kesan kepada keselamatan nasional.

Antara isu keselamatan yang akan dibincangkan ialah perlanungan atau *mundu*, tuntutan bertindih, pergolakan serta perkembangan politik di selatan Filipina, pendatang tanpa izin dan isu kesetiaan. Terdapat beberapa sebab kelima-lima isu ini dipilih. Ancaman lanun atau *mundu* masih menjadi ancaman di perairan Sabah dan insiden penculikan di Sipadan oleh Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) pada tahun 2000 diikuti oleh beberapa siri penculikan yang berlaku sehingga kini. Tuntutan bertindih juga merupakan satu lagi isu penting yang membabitkan Malaysia dengan negara jiran, iaitu dalam konteks ini Indonesia bersabit pemberian konsesi Ambalat kepada Shell. Isu ini jika tidak ditangani dengan baik akan membawa kepada tercetusnya konflik dengan Indonesia. Pergolakan serta

perkembangan politik yang berlaku di selatan Filipina juga boleh meninggalkan kesan ke atas Sabah. Perkembangan mutakhir yang membabitkan kumpulan MNLF yang pro-Misuari menentang Manila sudah tentu akan menyebabkan kesan sampingan ke atas Sabah. Dalam hal ini kemungkinan kehadiran pelarian tidak dapat dielakkan. Di samping jaringan Al Qaeda-Jemaah Islamiyyah- KAS di selatan Filipina boleh meninggalkan impak kepada Sabah jika tidak diawasi. Isu kebanjiran pendatang Filipina dan Indonesia di Sabah juga merupakan suatu isu yang perlu ditangani dengan baik kerana setiap kali Malaysia bertindak menghantar mereka pulang ke negara asal, hal ini memberi kesan kepada hubungan Malaysia dengan negara jiran. Akhir sekali, kesetiaan penduduk Malaysia keturunan Filipina dan Indonesia di Sabah juga perlu diamati untuk melihat sejauh mana reaksi mereka sekiranya berlaku pergolakan dengan negara jiran pada masa akan datang.

Sabah Sepintas Lalu

Sabah, sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia dipisahkan oleh Laut China Selatan terletak di Pulau Borneo. Sabah mempunyai sempadan dengan Sarawak dan Brunei di bahagian barat, Kalimantan di selatan serta Filipina dan Indonesia di bahagian timur yang dipisahkan oleh Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Tidak hairan, William E. Berry, Jr pernah menyatakan bahawa mempertahankan integriti wilayah merupakan perhatian utama Malaysia bertolak daripada realiti geografi.¹

Peta Malaysia²



Sumber: http://lib.utexas.edu/maps/middle_east_and_asia/malaysia_po198.jpg

Tidak seperti Sarawak yang tidak banyak berhadapan dengan isu-isu keselamatan yang boleh mengancam, Sabah sebaliknya pula berhadapan dengan berbagai isu keselamatan yang jika tidak ditangani boleh mengugat Sabah khasnya dan Malaysia umumnya. Hal ini disebabkan kedudukannya yang cukup hampir dengan Filipina dan Indonesia banyak meninggalkan kesan kepada keselamatan Sabah. Pantainya meliputi 1,400 km serta mempunyai 182 buah pulau dengan 50 sahaja yang berpenghuni.

Konsep Keselamatan

Keselamatan merujuk kepada ketiadaan ancaman terhadap sesebuah entiti dalam konteks sesebuah negara. Ketika era Perang Dingin, negara dan isu militer mendominasi agenda sarjana dalam bidang keselamatan seperti Wolfers,³ Bull,⁴ Nye⁵ dan ramai lagi. Pada waktu itu banyak kajian yang dibuat merujuk kepada persaingan kuasa-kuasa yang membabitkan penggunaan senjata nuklear, paling ketara persaingan antara Amerika Syarikat dan Soviet kerana ini merupakan isu yang mengancam keselamatan. Namun, pasca Perang Dingin menyaksikan bahawa bukan sahaja negara ataupun isu militer sahaja yang boleh mengugat keselamatan sesebuah negara bahkan terdapat isu lain yang turut mampu mengancam keselamatan seperti isu ekonomi, alam sekitar, masyarakat, sosial bahkan politik seperti yang ditegaskan oleh Barry Buzan.⁶ Hasilnya, ternyata bahawa terdapat isu-isu lain yang boleh membawa kepada ancaman terhadap keselamatan terhadap sesebuah negara. Isu migrasi, rangkaian jenayah antarabangsa, terorisme, keruntuhan ekonomi dan berbagai lagi. Di samping usaha untuk memasukkan beberapa isu lain dalam kajian keselamatan, terdapat juga usaha untuk menganalisa rujukan utama keselamatan, apakah ia keselamatan kepada negara, individu ataupun keselamatan antarabangsa. Dalam hal ini, penulis berhujah bahawa walaupun usaha samada memasukkan isu-isu keselamatan tradisional atau bukan-tradisional ataupun melebarkan lagi rujukan utama keselamatan, namun sesuai dengan pandangan Ayoob,⁷ dalam konteks keselamatan dunia ketiga, termasuk juga Malaysia (dan Sabah khususnya), keselamatan tidak dapat lari daripada melihat keselamatan daripada kacamata elit negara. Dengan kata lain, keselamatan sebenarnya ditentukan dan didefinisikan oleh golongan elit (dalam hal ini pemerintah). Ia biasanya dapat dilihat daripada bagaimana negara bertindak ke atas sesuatu isu tersebut (samada ia isu keselamatan atau tidak). Oleh itu, dalam hal ini penulis cuba untuk melihat beberapa isu yang dianggap oleh negara sebagai unsur penting dalam keselamatan di Malaysia amnya, dan Sabah khususnya.

Isu teroris misalnya cukup mendapat perhatian selepas Peristiwa 11 Setember 2001 yang menjelaskan bahawa musuh baru ini mampu mengugat keselamatan negara. Teroris bukan sahaja menjadikan militer, bahkan juga turut menjadikan orang awam sebagai sasaran dan hasilnya lebih 3,000 terbunuh dalam serangan yang dilakukan.⁸ Migrasi antarabangsa juga mampu meninggalkan impak ke atas keselamatan sesebuah negara apabila jumlah migran misalnya ramai dengan kehadiran rakyat Mexico di Amerika Syarikat. Kehadiran mereka yang ramai membimbangkan penduduk Amerika dengan meningkatnya kadar jenayah. Apabila penduduk merasa tidak selamat kerana kehadiran pendatang, hal ini dilihat sebagai ancaman terhadap keselamatan mereka dan menjadi tanggungjawab negara bagi memastikan rakyat mereka dilindungi.

Isu-Isu Keselamatan di Sabah

Seperti yang dijelaskan sebelumnya, artikel ini akan berusaha untuk melihat bentuk-bentuk ancaman yang dilihat sebagai isu penting keselamatan negara. Walau bagaimanapun seperti yang dijelaskan sebelum ini, isu-isu ini kebanyakannya ditentukan berdasarkan kepada bagaimana kerajaan bertindak ke atas isu-isu berbangkit. Antara isu-isu utama adalah seperti berikut:

Aktiviti Mundu Di Perairan Sabah

Perairan Sabah berhadapan dengan ancaman lanun atau dikenali sebagai *mundu* yang cukup serius. Dalam membincangkan aktiviti lanun atau mundu di perairan Sabah, konsep lanun yang digunapakai tidak dapat diaplikasi di sini. Misalnya, UNCLOS⁹ yang mendefinisikan perlanunan sebagai sebarang tindakan keganasan atau penahanan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana tindakan pejarahan/perampasan yang dilakukan untuk kepentingan sendiri terhadap awak-awak atau penumpang dalam kapal laut atau kapal udara persendirian dan dilakukan di laut lepas (high seas). Hal ini bermakna sebarang aktiviti yang melibatkan tindakan keganasan yang dilakukan di pelabuhan atau di perairan sesebuah negara tidak dianggap sebagai lanun di bawah undang-undang antarabangsa.¹⁰ Dalam hal ini Ramli Dollah telah cuba memperkenalkan konsep mundu bagi menjelaskan aktiviti perlanunan, rompakan laut, penculikan ataupun jenayah yang menjadikan laut sebagai pusat aktiviti. Di Sabah, mundu melibatkan aktiviti seperti menyerang bot-bot nelayan dan mencuri kelengkapan yang ada, menyerang perkampungan yang terdapat di pulau-pulau dan pesisir pantai untuk mendapatkan keperluan misalnya makanan; melakukan rompakan menggunakan senjata berbahaya atau senjata api; melakukan rompakan di laut atau di darat dan melarikan diri ke laut lepas iaitu ke Indonesia atau Filipina; menculik tebusan untuk mendapatkan wang tebusan; dilakukan secara berkumpulan; dan menjadikan laut sebagai pusat aktiviti mereka sama ada untuk melakukan rompakan, serangan, keganasan dan sebagainya.¹¹ Terdapat enam kumpulan mundu yang masih aktif yang menjadikan selatan Filipina sebagai markas iaitu Kumpulan Pipi Uwah, Kumpulan Sarikal, Kumpulan Akil Jani, Kumpulan Tandan, Kumpulan Madjuran dan Kumpulan Akil Dewan.¹²

Beberapa insiden yang membabitkan mundu seperti rompakan di Bank Standard Chartered dan Pejabat MAS, Lahad Datu (1985) yang membabitkan sekumpulan 26 orang bersenjatakan M-16 serta pelancar *grenade* yang mengakibatkan seramai 11 orang awam terbunuh dengan mundu berjaya melarikan sejumlah RM 200,000;¹³ serangan melibatkan seramai 12 mundu ke atas Kilang Mutiara di Pulau Bohey pada tahun 1987. Dalam insiden ini dua pengurus berbangsa Jepun telah dibunuh oleh mundu dan membawa kepada penutupan kilang tersebut;¹⁴ serangan di Pekan Semporna pada 10 Februari 1996 yang membabitkan rompakan ke atas sebuah kedai emas dengan kejayaan mundu melarikan sejumlah RM100,000 barangan;¹⁵ serangan sekumpulan antara 10-20 mundu yang menyerang balai polis dan kedai emas di Pekan Semporna pada Mac 1996 bersenjatakan M-16 serta pelancar roket dan berjaya melarikan sejumlah wang rompakan sebanyak RM200,000 dan insiden rompakan di kedai emas, Tawau pada Julai 1996 apabila mundu berjaya melarikan barangan kemas berjumlah RM150,000.¹⁶

Namun insiden yang paling terkenal ialah penculikan yang membabitkan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) di Pulau Sipadan pada 23 April 2000. Penculikan ini melibatkan 21 tebusan termasuk 10 orang pelancong asing. KAS merupakan salah satu kumpulan Moro yang paling kecil berbanding kumpulan Moro National Liberation Front (MNLF) dan Moro Islamic Liberation Front (MILF) dengan bilangan anggota tidak sampai seribu orang. Namun KAS merupakan kumpulan pengganas yang paling ganas serta anti-Kristian yang cukup terkenal di Filipina ketika ini. Meskipun begitu KAS tidak mendapat sambutan daripada majoriti penduduk Islam di Mindanao kerana corak perjuangan ganasnya. KAS ditubuhkan oleh seorang veteran perang Afghanistan, Abdurajak Abubakar Janjalani pada tahun 1991.¹⁷ Rajak yang terbunuh dalam satu pertempuran pada tahun 1998, kemudian telah digantikan oleh adik beliau, Khadaffy Janjanani. KAS cukup digeruni dengan aktiviti seperti mengebom penduduk awam, pembunuhan, mengugut ahli perniagaan serta penculikan di Filipina.¹⁸ Paling menggerikan ialah kumpulan ini sering memenggal kepala serta membunuh tebusan.

KAS tidak menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara ini jika ia menghadkan aktiviti di Filipina sahaja. Namun kumpulan ini menjadi ancaman kepada keselamatan negara apabila mereka keluar dan merentasi sempadan antarabangsa dan meneruskan aktiviti di negara ini dengan terbabit dalam insiden penculikan di Sipadan. Ada dua kemungkinan kumpulan ini bertindak demikian. Pertama kerana ingin meraih simpati antarabangsa terhadap perjuangan mereka dan kedua aktiviti menculik membabitkan warganegara pelbagai bangsa cukup lumayan hasilnya.¹⁹

Insiden penculikan di Sipadan telah diikuti beberapa siri penculikan yang membabitkan KAS; antara lain pada 10 September 2000, KAS bertindak dengan melakukan penculikan di Pulau Pandanan yang membabitkan tiga tebusan. Insiden ini diikuti pula dengan penculikan enam pekerja Borneo Paradise Ecoresort pada 5 Oktober 2003. Seterusnya pada 11 April 2004, tiga anak kapal TB East Ocean telah diculik. Berikut ialah penculikan tiga anak kapal sebuah bot penunda, Bonggaya di perairan berhampiran Pulau Mataking pada 2 April 2005 dikaitkan dengan Kumpulan Abu Sayyaf.²⁰ Lima penculik yang terbabit disahkan oleh Polis Kebangsaan Filipina serta Gabenor Tawi-Tawi, Sadikul Sahali.

Berdasarkan kepada siri penculikan yang berlaku menunjukkan bahawa KAS akan tetap menjadikan pantai timur Sabah sebagai tumpuan bagi melancarkan penculikan. Mereka akan terus melancarkan siri penculikan dari semasa ke semasa kerana mengetahui kelemahan yang di wujud di kawasan ini biarpun mengetahui bahawa pihak keselamatan sentiasa memantau kawasan terbabit. Hal ini akan menjadi duri dalam daging pihak keselamatan di pantai timur Sabah. Walaupun penculikan yang berlaku tidak dilakukan oleh KAS sendiri tetapi berkemungkinan mereka dibantu oleh golongan yang bersimpati atau ingin mendapatkan sumber kewangan daripada hasil penculikan yang dilakukan.

Tuntutan Bertindih

Sejak akhir-akhir ini isu tuntutan bertindih semakin mendapat tempat dalam politik antarabangsa. Hal ini berikutan pengenalan regim UNCLOS yang membawa kepada bertambahnya kemungkinan konflik antara negara. UNCLOS telah memberi garis panduan mengenai zon-zon maritim seperti pelantar benua dan Zon

Ekonomi Eksklusif (ZEE).²¹ Masalah yang timbul ialah setiap negara mempunyai interpretasi tersendiri terhadap zon-zon maritim ini. Apabila setiap negara mengumumkan ZEE mereka, ZEE ini bertindih dengan ZEE yang diisytiharkan oleh negara jiran. Ini membawa kepada pertindihan ZEE yang seterusnya mencetuskan pertikaian antara kedua buah negara ini (Ganesan, 1999). Hal ini berlaku terutama apabila negara menjalankan kerja mencari gas atau menjalankan aktiviti perikanan. Hasilnya berlakulah tuntutan bertindih yang membabitkan negara-negara berjiran yang menurut Valencia akan menjadi punca konflik pada masa akan datang.²²

Malaysia sendiri terbabit dalam beberapa siri tuntutan bertindih. Sabah masih dituntut oleh Filipina, tuntutan berdasarkan sejarah pemilikan sebahagian Sabah oleh Kesultanan Sulu. Tuntutan ini masih lagi belum digugurkan oleh Manila sehingga kini Malaysia juga turut terbabit dalam menuntut beberapa buah pulau.²³ dan atoll di Kepulauan Spratly bersama lima negara lain iaitu China, Taiwan, Vietnam, Filipina dan Brunei.²⁴ Sehingga kini Malaysia telah menduduki lima buah pulau-atoll.²⁵ China merupakan negara yang paling agresif dalam tuntutan ini kerana pernah menggunakan kekerasan terhadap Vietnam dan ini sudah tentu menimbulkan ancaman kepada Malaysia.

Pertikaian antara Malaysia-Indonesia berhubung Pulau Sipadan-Ligitan telah diselesaikan oleh ICJ dengan keputusan berpihak kepada Malaysia pada 17 Disember 2002.²⁶ Malaysia berjaya dalam kes ini kerana hujah *effectivities* iaitu Malaysia mempunyai kawalan serta pentadbiran yang berterusan sejak 1878 Sipadan-Ligitan. Perkara ini berdasarkan kawalan dan peraturan pengutipan telur penyu serta pengeluaran surat kuasa kepada penduduk Semporna memungut telur penyu. Di samping itu dua lagi hujah *effectivities* ialah pembentukan 'bird sanctuary' pada 1 Februari 1933 serta pembinaan sebuah rumah api oleh Kerajaan Borneo Utara pada tahun 1962 serta pembinaan rumah api kedua pada tahun 1963.²⁷

Peta 2: Kedudukan Sempadan Malaysia (Sabah) dan Indonesia, 1979



Sumber: Haller-Trost, 1998: 486²⁸

Biarpun Jakarta dilihat menerima keputusan ini dengan terbuka tanpa memperlihatkan reaksi protes, namun isu ini tetap meninggalkan kesan terhadap hubungan kedua-dua buah negara. Dalam hal ini tidak hairan apabila Malaysia memberikan konsesi carigali minyak di blok Ambalat dan blok Ambalat Timor kepada Syarikat Shell pada 16 Februari 2005, tindakan ini telah menimbulkan bantahan dari Jakarta. Namun apa yang jelas ialah Malaysia pernah membuat bantahan terhadap Jakarta apabila Indonesia memberikan hak carigali kepada Syarikat Amerika Syarikat, Unocal Corp pada tahun 2004 tetapi tidak dihiraukan oleh Jakarta.²⁹ Sebaliknya apabila Malaysia memberikan hak carigali tersebut kepada Shell, Jakarta secara tegas menyatakan bahawa Ambalat adalah milik mereka dan langkah segera yang telah diambil iaitu dengan menghantar 7 buah kapal perang dan 4 pesawat F-16 ke kawasan yang terbabit.

Rakyat Indonesia memprotes tindakan Malaysia ini dengan berbagai tindakan seperti mengadakan demonstrasi. Akhbar serta media Indonesia juga turut mengambil kesempatan membakar perasaan serta semangat rakyat Indonesia dengan berita-berita sensasi yang menyerang Malaysia serta tindakan untuk mengangryang serta melancarkan perang ke atas Malaysia. Paling memalukan ialah tindakan oleh segelintir pelajar Indonesia yang membakar Jalur Gemilang. Malah media Indonesia turut mengulas lawatan Dato' Najib ke United Kingdom pada 10 Mac 2005 untuk membeli kapal perang bagi menghadapi kemungkinan perang dengan Indonesia. Apa yang jelas ialah ada pihak tertentu yang cuba menanggung di air yang keruh dalam membakar api kemarahan rakyat Indonesia dalam isu ini. Isu Ambalat selain mencetuskan ketegangan telah turut membabitkan satu insiden pergeseran antara kapal perang Malaysia, KD Rencong dan KRI Tedong Naga. Indonesia telah menuduh kapal perang Malaysia menggesel kapal mereka dan telah

membuat bantahan kepada Malaysia. Kedua-dua pihak telah bersetuju untuk mengurangkan ketegangan dengan menempatkan sebuah kapal perang bagi setiap negara. Begitupun sekali lagi timbul kekecohan apabila media Indonesia, Kompas telah memainkan sentimen dengan menyatakan bahawa Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Najib telah memohon maaf kepada attaché tentera Indonesia di Kuala Lumpur. Dato' Najib telah membantah keras laporan tersebut sehingga berita tersebut telah dinafikan sendiri oleh Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur. Namun, insiden ini menampakkkan bahawa mentaliti *big brother* Indonesia dalam hubungan dengan Malaysia, satu perkara yang tidak kelihatan sebelum ini.

Pergolakan Politik Di Selatan Filipina

Sejak tahun 1970-an sebarang perkembangan politik yang berlaku di selatan Filipina pasti memberi kesan ke atas Sabah. Perkembangan ini tidak dapat dielakkan memandangkan terdapat ramai penduduk keturunan Filipina di Sabah serta kedudukan Sabah yang cukup hampir dengan selatan Filipina. Oleh itu apabila Marcos mengisytiharkan perintah Darurat pada tahun 1972 menyebabkan berlakunya kebanjiran penduduk Islam Filipina ke Sabah. Sejak itu Sabah cukup sensitif dengan perkembangan politik di selatan Filipina kerana apa juga yang berlaku akan memberi kesan dari segi pengaliran masuk penduduk Islam dari selatan Filipina yang akan melarikan diri ke Sabah. Lazimnya pihak berkuasa di Malaysia akan memberikan reaksi kepada apa jua perkembangan yang berlaku di selatan Filipina.

Oleh itu apabila segelintir pengikut Nur Misuari daripada kumpulan MNLF yang diketuai oleh Habier Malik melancarkan serangan terhadap tentera Filipina di Jolo pada 6 Februari 2005, telah memberi isyarat tentang kemungkinan pergolakan terbaru akan berlaku di selatan Filipina.³⁰ Pihak tentera Filipina telah melancarkan serangan ke atas kumpulan serpihan dan mengakibatkan seramai 27,000 penduduk meninggalkan rumah bagi mengelakkan pertempuran. Namun pihak tentera telah berjaya mencapai gencatan senjata tidak formal dengan kumpulan tersebut. Apapun keadaan yang berlaku boleh mencetuskan keadaan huru-hara di Jolo yang boleh memberi kesan kepada Sabah.

Satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian di selatan Filipina ialah tentang wujudnya jaringan Al Qaeda-Jemaah Islamiyah-KAS.³¹ Jaringan yang telah diwujudkan ini ternyata telah meninggalkan impak yang bukan kecil terhadap keselamatan Filipina bahkan boleh membahayakan negara ini. Hal ini kerana dengan bantuan kewangan Al Qaeda, tenaga JI dan KAS telah memperlihatkan bagaimana beberapa siri serangan bom telah dapat dihasilkan. Pengeboman di Bali pada Oktober 2002, pengeboman Hotel J.W.W Marriott, Jakarta pada Ogos 2003 dan Kedutaan Australia pada 9 September 2004, malah turut menjadikan Davao City sebagai sasaran pada Mac 2003 merupakan antara contoh menunjukkan betapa merbahaya jaringan kumpulan ini.. Insiden-insiden ini telah menyebabkan Presiden Aroyo telah mengisytiharkan Jemaah Islamiah (JI) sebagai ancaman keselamatan nombor satu di Filipina. Seriusnya gejala rasuah di selatan Filipina serta sempadan yang longgar memungkinkan unsur Al Qaeda-JI-KAS untuk menyusup masuk ke Sabah tidak boleh dipandang remeh.

Isu Kesetiaan?

Isu kesetiaan penduduk kepada negara juga merupakan sesuatu yang harus difikirkan daripada sudut keselamatan. Hal ini kerana, jika berlaku apa-apa persengketaan atau peperangan dengan sesebuah negara jiran, kemungkinan rakyat negara ini menyokong musuh tidak boleh diketepikan. Amerika Syarikat pernah meragui kesetiaan rakyat berketurunan Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua dengan mengambil langkah seperti mengurung mereka ini di kem tahanan kerana bimbang akan menyokong Jepun dalam perang.³² Seramai 120,000 daripada mereka telah ditahan oleh pihak militer dan FBI atas sebab keselamatan terhadap Amerika. Mereka ini telah ditempatkan di beberapa kem tahanan di beberapa buah negeri termasuk California, Arizona dan Arkansas. Kebanyakan mereka ini kekal di kem tahanan yang dilingkungi kawat berduri dan dijaga oleh tentera sehingga perang tamat.³³ Perkara yang sama juga dilakukan ke atas penduduk Arab-Amerika Syarikat selepas terjadinya Peristiwa 11 September. Pembabitian sebahagian besar daripada perampas pesawat yang merupakan orang Arab dengan sembilan orang daripadanya terdiri daripada rakyat Arab Saudi. Perkara ini telah menyebabkan pihak berkuasa Amerika bertindak menahan rakyat Amerika berketurunan Arab tanpa bicara, suatu langkah yang bertentangan dalam negara demokrasi. Malah Brigadier-General Lee Hsien Loong pernah mempersoalkan kesetiaan masyarakat Melayu kepada Singapura.³⁴

Sabah mempunyai pelbagai etnik kaum yang cukup menarik. Terdapat 32 etnik di negeri ini, antara lain; Bajau, Kedayan, Sulu, Melayu Brunei, Kadazan, Murut, dan lain-lain. Namun ada beberapa suku etnik di Sabah ini yang berasal dari Filipina dan Indonesia. Suku etnik Bajau dan Sulu berasal dari selatan Filipina. Manakala suku etnik Bugis dan Jawa pula berasal dari Sulawesi dan Jawa, Indonesia. Mereka merupakan penduduk Bumiputera Islam di Sabah dan telah lama menetap di Sabah iaitu sejak abad ke-17 bagi penduduk Bajau dan Sulu dan sejak 1960-an lagi bagi penduduk keturunan Bugis dan Jawa. Kewujudan penduduk keturunan etnik dari Filipina dan Indonesia telah menyebabkan migrasi rantaian berlaku sehingga kehadiran mereka di negeri Sabah tidak pernah putus.

Bagaimanakah kesetiaan mereka ini boleh dipercayai? Dalam hal ini ada dua kemungkinan yang boleh dilihat berhubung isu kesetiaan ini. Pertama, membabitkan penduduk keturunan Bajau-Sulu yang telah lama bermastautin di Sabah. Isu pemilikan dokumen seperti kad pengenalan, surat beranak mahupun passport antarabangsa bukan satu perkara baru dalam kalangan pendatang Filipina dan Indonesia. Terbaru, Sabah digemparkan dengan adanya satu sindiket yang mengeluarkan kad pengenalan bermutu tinggi 'My Kad' kepada pendatang.³⁵ Sindiket ini membabitkan staf Jabatan Pendaftaran di Semporna. Walaupun identiti mereka yang terlibat tidak diketahui namun kemungkinan tidak dapat disangkal yang terlibat mungkin terdiri daripada etnik Bajau-Sulu atau Bugis. Persoalannya siapakah yang terbabit? Mengapa ini berlaku? Mungkin kerana wang? Namun motif untuk memastikan bilangan pendatang yang barangkali mempunyai pertalian persaudaraan dengan mereka yang sudah lama di Sabah tidak dapat diketepikan.³⁶ Kedua, jika berlaku peperangan dengan negara jiran apakah mereka akan tetap menunjukkan kesetiaan kepada Malaysia? Perkara ini perlu ditimbulkan kerana mereka berkemungkinan akan menjadi perantara yang boleh menyampaikan banyak maklumat rahsia yang bakal digunakan oleh pihak musuh bagi menewaskan negara jika berlaku peperangan. Mereka umpama musuh dalam

selimut dan sekiranya berlaku persengketaan akan menjadi tali barut kepada negara asal.

Kemungkinan tenaga kerja Indonesia dan pendatang tanpa izin Filipina dan Indonesia yang ramai di Sabah juga akan turut menjadi mata dan telinga kepada negara asal mereka jika berlaku sengketa. Perkara ini cukup ketara dalam isu Ambalat, apabila ada TKI yang sanggup membantu Indonesia jika Jakarta mengisytiharkan perang ke atas Malaysia. Jika ini benar-benar berlaku maka sudah tentu Malaysia akan berhadapan dengan masalah besar.

Kehadiran Pendatang Filipina Dan Indonesia Di Sabah

Kehadiran pendatang Filipina dan Indonesia di Sabah bukan suatu perkara baru. Hal ini disebabkan mereka sudah lama berada di Sabah. Namun apa yang jelas ialah kita tidak dapat mengeneipkan bahawa ada faktor penolak dan penarik yang menyebabkan kehadiran mereka di Sabah. Faktor tolakan merujuk kepada keadaan ketidakstabilan politik di selatan Filipina serta ketiadaan pekerjaan di tempat asal mereka termasuk di Sulawesi. Keadaan ini ditambah lagi oleh faktor penarik, iaitu pertumbuhan ekonomi yang pesat di Sabah dalam sektor pembinaan, pembalakan, perladangan yang memerlukan penggunaan buruh yang ramai sekitar tahun-tahun 1980-an. Keadaan ini diburukkan lagi oleh penduduk tempatan sendiri yang kelihatan tidak berminat melibatkan diri dengan kerja-kerja yang berkaitan 3 'D' iaitu *dirty* (kotor), *dangerous* (bahaya) dan *difficult* (sukar), menyebabkan kerja-kerja ini terpaksa dilakukan oleh pendatang Filipina dan Indonesia.

Kehadiran pendatang dalam jumlah yang ramai di sesebuah negara sudah tentu menimbulkan masalah kepada negara hos. Antara 500,000 hingga 700,000 orang Pendatang Tanpa Izin (PTI) didapati tinggal di Sabah berbanding penduduk Sabah yang berjumlah 2.45 juta orang.³⁷ Hal inilah yang berlaku kepada pendatang Filipina dan Indonesia di Sabah. Mereka boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan penduduk tempatan. Persoalannya bagaimanakah mereka boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan penduduk tempatan?

Ramli Dollah et. al. mendapati bahawa, ramai pendatang Filipina di Sabah terbabit dengan aktiviti jenayah seperti merompak, merogol dan membunuh berbanding dengan pendatang Indonesia.³⁸ Mengapa ini berlaku? Menurut Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Ramli Dollah (2003), perkara ini dikaitkan dengan konsep *maratabat*, *stereotaip* dan budaya dan sikap yang dibawa dari negara asal.³⁹ Oleh itu apabila mereka berada di negara ini, mereka menganggapnya seperti tempat asal mereka. Paling ketara ialah sikap mereka yang tidak menghormati undang-undang dan ini menyebabkan mereka begitu mudah melanggar undang-undang melalui perbuatan mereka seperti mencuri, membunuh, merogol atau merompak.

Soalnya benarkah pendatang terbabit dalam aktiviti jenayah atau mereka sengaja dikambinghitamkan oleh pihak tertentu sebagai *escapism*? Ramli Dollah, Fazli Hamid & Rizal Idris mendapati bahawa PTI memang merupakan penyumbang utama kepada kadar jenayah kekerasan di Kota Kinabalu.⁴⁰ Misalnya pada tahun 2001 jumlah jenayah kekerasan yang membabitkan pendatang ialah 171 kes berbanding 127 kes yang dilakukan oleh penduduk tempatan. Angka ini menurun pada tahun 2002 kepada 73 kes pendatang berbanding 179 oleh penduduk tempatan tetapi angka ini bertambah pada tahun 2003 kepada 119 berbanding 41

oleh penduduk tempatan. Penurunan ketara pada tahun 2002 dikaitkan dengan Ops Nyah II dan ini turut diakui oleh bekas Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Ramli apabila beliau menyatakan bahawa Ops Nyah II telah berjaya mengurangkan masalah jenayah di Sabah.⁴¹

Namun isu yang cukup signifikan misalnya, pada tahun 2003, daripada 4420 banduan di Penjara Kota Kinabalu, 3683 terdiri dari warga asing. Daripada jumlah tersebut, 3472 merupakan banduan yang melakukan kesalahan pertama, 171 merupakan banduan yang melakukan kesalahan kedua dan 27 banduan merupakan pelaku kesalahan ketiga dan lebih.⁴² Perkara ini menunjukkan betapa masyarakat terdedah kepada ancaman daripada pendatang.

Penyeludupan di Sabah juga digerakkan oleh pendatang asing dengan bantuan sindiket luar. Penyeludupan ini membabitkan barangan seperti dadah (syabu) dan senjata api. Satu contoh cubaan untuk menyeludup masuk senjata api dari luar ialah apabila ATM telah menahan seramai 22 rakyat asing di Pulau Langkayan, Sandakan pada 27 April 2003.⁴³ Sejumlah peluru, peledak dan senapang patah ditemui dalam tangkapan tersebut. Walau bagaimanapun kesemua mereka menafikan terbahit dan sebaliknya menyatakan bahawa mereka dihanyutkan dari Kepulauan Filipina yang berhampiran. Malah pada tahun 2001, misalnya sejumlah 125 kes penyeludupan senjata api berjaya dipatahkan.⁴⁴ Penyeludupan syabu ke negara ini juga datang dari negara jiran khususnya dari Zamboanga, Maibog, Tawi-Tawi, Bongao dan Palawan. Dadah ini kemudiannya telah disebarkan ke seluruh bandar-bandar di seluruh Sabah terutama di Sandakan, Tawau, Lahad Datu dan Kota Kinabalu. Penyeludupan dua barangan ini membahayakan keselamatan penduduk tempatan dari segi jenayah yang akan berlaku serta pembabitkan anak-anak tempatan dalam kegiatan najis dadah. Misalnya pada tahun 2001 sebanyak 522 kes tangkapan telah dibuat di pantai timur Sabah membabitkan syabu. Pada tahun 2002 pula jumlah tangkapan ialah 457 kes.

Kehadiran pendatang di Sabah juga seumpama bom jangka kepada penduduk tempatan. Hal ini disebabkan mereka membawa bersama penyakit yang berjangkit malah ada sesetengah penyakit hampir dapat dihapuskan oleh pihak kerajaan. Kerajaan telah menghantar balik 15,000 pekerja sah kembali ke negara asal kerana didapati berpenyakit.⁴⁵ Tidak dapat dibayangkan bagaimana pendatang yang datang secara haram memasuki negara ini tanpa ditapis oleh FOMENA membawa bersama mereka penyakit berjangkit. Namun realitinya, kedatangan mereka secara haram ke negara ini menyebabkan penyakit-penyakit seperti batuk kering dan taun kembali menular dalam kalangan penduduk tempatan. Batuk kering didapati menular sebagai penyakit nombor satu yang membawa kematian disebabkan oleh pergerakan penduduk yang tidak terkawal yang berlaku di negara ini yang membabitkan pendatang.⁴⁶ Penyakit taun pula merupakan suatu epidemik yang sering dihadapi oleh pendatang di kawasan koloni mereka tetapi sering dirahsiakan daripada pengetahuan umum kerana bimbangkan penduduk tempatan. Malah penyakit-penyakit lain seperti hepatitis, kusta, dan gonorrhoea didapati dalam kalangan pendatang. Apa yang ditakuti ialah jika ada dalam kalangan pendatang ini yang bekerja di restoran sebagai pencuci pinggan, tukang masak atau pelayan. Hal ini sudah tentu akan mendedahkan penduduk tempatan kepada epidemik yang sudah tentu boleh meninggalkan kesan yang bukan kecil ke atas masyarakat.

Pendatang juga turut menjadikan koloni kampung air sebagai pusat aktiviti jenayah dan penempatan tanpa peraturan dan undang-undang. Di Sabah terdapat

beberapa kampung air yang didiami oleh penduduk keturunan Filipina yang asalnya dibina sebagai pusat penempatan pelarian. Kampung ini termasuk Kampung Pondo, di Pulau Gaya, Kota Kinabalu, Kampung BDC, di Sandakan, Kampung Icebox & Kampung Hidayah, Tawau, Kampung Puyut, Kampung Bakau, Lahad Datu dan Kampung Selamat, Kampung Simunul dan Kampung Bangau-Bangau, Semporna.⁴⁷ Penyeludup menggunakan kampung air sebagai pusat untuk mendarat dan mengedar barangan seludupan seperti dadah, senjata, rokok dan sebagainya. Hal ini kerana kumpit iaitu pengangkutan air yang digunakan mampu untuk meredah bawah rumah. Di sini syabu dijual secara terbuka. Wang palsu bertukar tangan. Penduduknya membuang sampah ke dalam air termasuk najis dan semua ini mendedahkan penduduk kepada bahaya penyakit berjangkit. Selain itu wujud kegiatan pelacuran. Kegiatan mencuri air dan letrik cukup ketara dalam kalangan penduduk. Pergaduhan antara kumpulan-kumpulan pendatang sering berlaku yang membabitkan senjata pistol, parang dan pedang yang lazimnya membawa kematian. Paling ketara pihak berkuasa seperti polis tidak akan membuat rondaan jika berseorangan atau pada malam hari. Hakikatnya, koloni-koloni yang tanpa peraturan dan undang-undang ini merupakan entiti yang wujud di pinggir-pinggir bandar sesuai dengan cara hidup pendatang tetapi boleh mendedahkan ancaman kepada keselamatan penduduk tempatan.

Implikasi dan Dasar Kerajaan

Seperti yang dijelaskan dalam perbincangan sebelumnya, isu keselamatan yang telah meninggalkan impak yang besar kepada Malaysia. Ini menuntut tanggungjawab yang besar daripada kerajaan pusat untuk menangani masalah yang timbul. Dalam hal ini, didapati bahawa sememangnya banyak usaha-usaha yang perlu dan akan dilakukan untuk berhadapan dengan isu ini antaranya ialah:

Usaha Membantu Penduduk Pulau

Penduduk pulau di sepanjang pantai timur Sabah merupakan unsur yang penting dalam menjamin keselamatan di Sabah. Walaupun tidak semua pulau berpenghuni, tetapi rata-rata mereka terdiri daripada penduduk keturunan Filipina yang miskin serta perlu dibantu. Perkara ini kerana keadaan kemiskinan akan mendedahkan mereka kepada aktiviti-aktiviti haram yang sudah tentu akan membantu mundu misalnya. Oleh itu, usaha perlu dilakukan bagi membantu golongan ini supaya mereka terlibat dengan aktiviti ekonomi seperti perikanan, penanaman rumpai laut dan sebagainya yang mampu membawa pulangan yang besar kepada mereka sekaligus mengeluarkan mereka daripada kancah kemiskinan dan menghalang pembabitan mereka dengan unsur-unsur yang mengancam negara.

Belanjawan Pertahanan

Insiden penculikan Sipadan telah mendedahkan betapa Kerajaan Pusat tidak memberikan perhatian sewajarnya kepada aspek keselamatan di pantai timur Sabah. Walaupun Kerajaan memberikan jaminan selepas berlakunya penculikan di Sipadan namun pada bulan September, satu lagi insiden penculikan telah

berlaku di Pulau Pandanan. Insiden Sipadan dan Pandanan telah menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah RM6 bilion sebagai langkah mempertingkatkan keselamatan di Sabah. Perkara ini membabitkan penambahan 5 batalion tentera darat, 5 batalion PGA, 30 bot peronda tentera laut dan 5 jet Hawks yang berfungsi mengawal perairan Sabah. Teluk Sepanggar telah dibangunkan sebagai pelabuhan bagi menempatkan kapal selam yang masih dalam pembinaan serta pengkalan Paskal di Tawau.⁴⁸ Pada masa yang sama belanja pertahanan bagi negara juga perlu dipertingkat bagi memastikan pertahanan negara kelihatan *credible* kepada pihak luar. Hanya dengan perbelanjaan pertahanan membolehkan negara memiliki kapal perang serta pesawat perang yang lebih *sofistikated* serta terbaik bagi mempertahankan negara.

Berdasarkan isu yang dihadapi iaitu tuntutan Spratly serta tuntutan bertindih yang bakal dihadapi pada masa akan datang, Sabah memang memerlukan perhatian yang lebih dari segi belanja pertahanan bagi meningkatkan keupayaan keselamatan agar tidak diperlekehkan oleh pihak luar. Di samping itu penubuhan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia / agensi pengawal pantai pada bulan Jun 2005 juga dilihat akan memberi banyak sumbangan kepada penjagaan perairan Malaysia pada masa akan datang.

Reaksi Kepada Tuntutan Bertindih

Dari segi tuntutan bertindih, isu ini didapati tidak akan berhenti setakat ini sahaja kerana Malaysia akan pasti berhadapan dengan tuntutan lain dengan negara jiran, Indonesia dan Filipina. Penemuan telaga minyak dan gas baru bakal dicabar oleh negara jiran yang akan menuntut kawasan ini sebagai milik mereka. Walaupun Malaysia telah meratifikasi UNCLOS pada 14 Oktober 1996 tetapi kerana tafsiran berbeza terhadap regim kelautan ini telah tidak dapat mengelakkan tuntutan bertindih negara-negara jiran. Bahkan sebelum ini Peta Baru Malaysia 1979, tidak diterima oleh banyak negara termasuk Indonesia. Pada masa yang sama Unit Maritim, di Wisma Putra perlu diperlengkapkan dengan pakar perundangan serta profesional yang boleh membantu Malaysia dalam sebarang tuntutan bertindih pada masa akan datang. Hal ini kerana Malaysia masih mempunyai banyak tuntutan bertindih dengan negara jiran seperti Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, Brunei, China dan Filipina.

Bahkan agensi-agensi kerajaan sepatutnya lebih bersifat terbuka dalam menangani isu tuntutan bertindih. Pada ketika ini agensi-agensi ini kelihatan banyak merahsiakan kerja-kerja yang berkaitan dengan tuntutan bertindih. Sikap terbuka perlu bagi memberikan informasi kepada masyarakat tentang isu yang cukup penting dihadapi oleh negara.

Kaedah Diplomasi dalam Isu Tuntutan Bertindih

Reaksi Jakarta dalam isu Ambalat hampir menggugat hubungan rapat yang telah dijalin oleh pemimpin kedua-dua buah negara, Pak Lah- Susilo. Walau bagaimanapun kedua-dua pemimpin berjaya mengendurkan ketegangan dengan mewujudkan saluran komunikasi dan berjanji untuk menggunakan diplomasi dalam mengatasi isu yang berbangkit.⁴⁹ Pak Lah telah mengutuskan Menteri Luar, Dato' Syed Hamid Albar ke Jakarta bertemu Presiden Susilo. Satu pertemuan telah

dihasilkan dengan kedua-dua pihak berjanji untuk membincangkan isu tersebut bersama. Dalam hal ini pendirian Pak Lah yang telah meminta media Malaysia supaya tidak mensensasikan isu dilihat sebagai satu usaha Kuala Lumpur untuk mengurangkan ketegangan dalam menangani isu yang dihadapi.

Peranan Malaysia Sebagai Orang Tengah Dalam Pergolakan Di Selatan Filipina

Pergolakan yang sentiasa berlaku di selatan Filipina memerlukan Malaysia membantu menangani masalah yang timbul. Wujud dua sebab Malaysia perlu berbuat demikian. Pertama, dapat menghalang kebanjiran penduduk Islam Filipina yang sudah tentu akan melarikan diri ke Sabah jika kekacauan bertukar menjadi konflik. Kedua, dapat menyakinkan Manila bahawa Kuala Lumpur tidak memihak kepada penduduk Islam dalam pergolakan di selatan Filipina. Hal ini kerana selama ini Kuala Lumpur dilihat sering melindungi Kumpulan Moro bergerak di negara ini. Namun keadaan ini berubah apabila Kuala Lumpur telah menyerahkan Nur Misuari kepada Manila setelah gagal dalam pemberontakan pada tahun 2003. Peranan yang dimainkan oleh Kuala Lumpur dalam menemukan kedua-dua pihak yang bertelingkah iaitu, Manila dan kumpulan MILF telah berjaya menampakkan hasil yang positif. Walaupun usaha ini telah dirintis oleh Indonesia, namun, Malaysia telah mengambilalih peranan tersebut pada tahun 2001 apabila Presiden Aroyo telah meminta Malaysia untuk menyelaraskan perundingan damai antara Kerajaan Filipina dan MILF.⁵⁰ Walaupun pihak-pihak terbabit telah beberapa kali gagal mencapai persetujuan, satu perjanjian telah dimeterai pada 16 hb Oktober 2003 di Putrajaya. Sejak itu Kuala Lumpur telah berjaya membawa kedua-dua pihak untuk rundingan yang telah diadakan di Malaysia. Pertemuan terbaru di Port Dickson pertengahan April 2005 telah berjaya ditangani seperti isu tanah pesaka. Di samping itu, Malaysia bersama Brunei telah berjaya memainkan peranan sebagai pasukan pemantau di kawasan-kawasan yang dikuasai MILF bagi memastikan semua pihak mematuhi gencatan senjata.

Reaksi Kepada Larangan Melawat Malaysia

Ekoran berlakunya penculikan di Pulau Sipadan dan Pandanan pada tahun 2000 dan diikuti oleh pengeboman di Bali pada Oktober 2002, Amerika Syarikat serta sekutunya telah mengeluarkan larangan kepada rakyat mereka daripada mengunjungi Malaysia serta beberapa buah negara di rantau ini.⁵¹ Larangan ini memberi dua implikasi penting, pertama betapa pihak berkuasa gagal meningkatkan tahap keselamatan di negara ini dan kedua, hal ini meninggalkan impak negatif kepada industri pelancongan.

Malaysia telah membantah larangan yang dikeluarkan ini. Menteri Luar, Dato' Syed Hamid Albar telah menjelaskan bahawa Malaysia cukup selamat untuk dilawati oleh pelancong dari luar malah segala langkah-langkah keselamatan telah diambil terutama selepas insiden Sipadan dan Pandanan. Malah untuk membuktikan kebenaran ini, bekas duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Puan Marie Huhtala telah diundang melawat Sabah pada 10 April 2004.⁵² Hasil daripada lawatan tersebut Huhtala telah menjelaskan bahawa Sabah selamat untuk dilawati.

Harapan Baru BIMP-EAGA (BRUNEI-INDONESIA-MALAYSIA-PHILIPPINES-EAST ASIAN GROWTH AREA)

Sekiranya keamanan dapat dicapai di selatan Filipina, hal ini sudah tentu menjanjikan harapan kepada wilayah yang jauh ketinggalan ini. Berbanding wilayah lain di Filipina, Mindanao merupakan wilayah yang paling mundur dari segala segi, misalnya infrastrukturnya, aktiviti ekonominya mahupun penduduknya yang dianggap paling miskin di Filipina. Oleh itu wilayah ini sangat memerlukan pelaburan dari luar untuk membangunkan kawasan ini.

BIMP-EAGA yang telah digerakkan ideanya oleh Fidel Ramos pada tahun Mac 1994 yang melibatkan kawasan di Brunei, Sabah, Sarawak, Mindanao dan Manado.⁵³ Idea ini berasaskan kepada idea segi tiga pertumbuhan yang telah berjaya dilaksanakan oleh SIJORI (Singapura, Johor dan Riau) dan Kawasan Segi Tiga Selatan China pada tahun 1980-an. Sejak 1997, sebanyak USD 27 juta telah dilaburkan dan sebahagian besarnya oleh pelabur dari Malaysia di Mindanao dan Palawan.⁵⁴ Tiga bidang yang telah berjaya dicapai setakat ini oleh BIMP-EAGA ialah mewujudkan hubungan udara dan laut di samping pelancongan. Dalam hal ini para pelabur Malaysia boleh melabur dalam sektor pelancongan, perikanan dan perladangan. Sektor-sektor ini menjanjikan pulangan yang lumayan jika berjaya. Walau bagaimanapun apabila disebut pelaburan, satu daripada kriteria pelabur ialah kemampuan wilayah ini yang boleh menjanjikan pelaburan yang selamat. Hal ini berdasarkan pengalaman lalu, ramai pelabur Malaysia yang gagal dalam pembabitan mereka di Mindanao. Kegagalan ini dikaitkan dengan perbezaan budaya serta tiada rakan kongsi dari selatan Filipina yang boleh diharapkan. Biar pun bermasalah, pelabur Malaysia diharap dapat belajar daripada kesilapan lalu untuk mengatur strategi baru supaya pelaburan kali ini akan berjaya. Persoalannya mengapa pelaburan dari Malaysia penting? Dua sebab kepentingannya ialah, pertama pelaburan ini diharap akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dan kedua, pelaburan ini akan dapat mengelakkan penghijrahan mereka ke Sabah pada masa akan datang.

Keperluan Dasar Tegas Terhadap PTI

Satu perkara yang cukup ketara dalam memperkatakan pendatang ialah dasar yang ada terhadap PTI. Dasar yang ada kelihatan tidak tegas serta longgar. Beberapa contoh boleh diberikan. Misalnya dalam tempoh tiga tahun, Malaysia telah mengadakan tiga kali program pengampunan iaitu pada tahun 2002 dan terakhir ialah pada Mac 2005 (sepatutnya Disember 2004). Ke kerapannya mengadakan program besar seperti ini boleh menghantar isyarat yang salah kepada PTI bahawa kerajaan Malaysia boleh bertoleransi dalam perkara ini. Walhal sebaliknya ada sebab perkara ini berlaku. Kita tidak mahu kesempatan ini diambil oleh PTI untuk kepentingan mereka seperti kembali memasuki Malaysia secara sah atau menggalakkan mereka untuk memasuki semula secara haram dan kemudian menunggu program pengampunan diadakan semula. Sepatutnya program pengampunan memberi peluang keluar kepada PTI secara sah tetapi bukannya untuk kembali semula ke negara ini.

Begitu juga peraturan yang sedia ada yang cuba menghalang kemasukan semula PTI ke negara ini yang dilihat gagal. Paling ketara ialah hukuman sebatan rotan yang dikenakan ke atas PTI yang dilihat gagal menjadi deteren menghalang

mereka untuk memasuki semula Malaysia secara haram. Perkara yang sama juga turut berlaku kepada para majikan yang menggaji PTI sama ada sebagai pembantu rumah mahupun pekerja. Mengenakan hukuman denda walau besar mana sekalipun dilihat tidak akan menghalang para majikan untuk tidak menggaji PTI. Apa yang diperlukan ialah dengan turut merotan majikan kerana hanya dengan cara ini akan dapat menghalang mereka daripada terus menggaji PTI.

Dalam usaha untuk menghalang merebaknya penyakit yang dibawa oleh PTI ke negara ini, langkah yang telah diambil oleh pihak berkuasa dengan meruntuhkan rumah-rumah haram milik PTI di kawasan setinggan sangat dialu-alukan. Hal ini kerana kawasan ini di dapati menjadi sarang kepada penyakit. Kawasan kampung air yang didiami oleh PTI kelihatan cukup kotor dengan pembuangan sampah sarap serta najis dibuang terus ke laut merupakan punca merebaknya penyakit berjangkit seperti taun.⁵⁵ Sejak operasi meruntuhkan rumah haram milik PTI pada tahun 2002, PTI tidak lagi membuat penempatan sesuka hati seperti sebelum ini. Oleh itu usaha perlu dipergiatkan lagi supaya penempatan kampung air ini dapat dibersihkan pada masa akan datang.

Pihak berkuasa perlu menangani isu pelacuran dengan lebih tegas lagi. Hal ini kerana PTI didapati melanggan pelacur. Penyebaran penyakit seperti AIDS, HIV dan hepatitis didapati daripada kedua-dua pihak sama ada PTI kepada pelacur atau sebaliknya. Kegagalan menangani masalah pelacuran boleh menimbulkan bencana jika tidak ditangani dengan segera.

Cinta Pada Negara?

Perasaan sayang pada negara perlu dipupuk dalam kalangan penduduk keturunan Filipina dan Indonesia. Peribahasa di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung perlu disemai dalam kalangan mereka. Bagi mereka yang bekerja sebagai anggota kerajaan mereka perlu diikat dengan janji untuk tidak membocorkan rahsia kerajaan. Dengan cara ini baru kesetiaan mereka kepada negara ini dapat dipertahankan.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelaslah bahawa Sabah sebenarnya berhadapan dengan pelbagai masalah keselamatan samada dari dalam dan luar dan ini secara tidak langsung mengancam kedaulatan Malaysia keseluruhannya. Filipina dan Indonesia merupakan dua negara yang boleh menimbulkan ancaman terhadap keselamatan Sabah. Ancaman dari Filipina boleh datang dari perlanunan/mundu, pergolakan politik yang sentiasa berlaku di selatan Filipina serta pendatang tanpa izin. Dari Indonesia pula dalam bentuk tuntutan bertindih serta pendatang tanpa izin. Dalam hal ini, walaupun isu ini lebih tertumpu kepada negeri Sabah, namun jalan penyelesaiannya tidak akan dapat dicapai tanpa kemahuan kerajaan pusat. Di pihak pusat pula, ia perlu bijak dalam menyelesaikan isu ini. Selain mempertimbangkan soal keselamatan, di satu sudut lain, kerajaan perlu melihat isu ini daripada aspek ekonomi dan sebagainya. Oleh itu, adalah dicadangkan melihat bahawa jalan penyelesaian ke atas isu ini memerlukan kepada pendekatan rundingan dan diplomasi memandangkan ia melibatkan negara jiran. Diplomasi telah digunakan dengan jayanya dalam konteks Indonesia. Ketegangan

dalam isu Ambalat telah dileraikan melalui penggunaan diplomasi. Malah kedua-dua Jakarta dan Kuala Lumpur juga mampu menangani isu pendatang tanpa izin dengan baik. Sebaliknya, sehingga kini Kuala Lumpur masih berhadapan dengan kesukaran dalam mencari penyelesaian dengan Manila dalam isu pendatang tanpa izin. Malah isu seperti lanun/mundu atau pergolakan politik di selatan Filipina merupakan antara beberapa isu meskipun sukar dibendung tetapi dengan kerjasama rapat kedua buah negara boleh ditangani dengan baik. Hanya melalui pendekatan seperti ini, integriti Malaysia akan terjamin dan dalam masa yang sama kepentingan nasional Malaysia akan terus terpelihara.

Endnotes

- ¹ Berry Jr., "Threat Perceptions in the Philippines, Malaysia, and the Singapore" *INSS Occasional Paper 16*, (September, 1997), hlm. 1.
- ² http://www.lib.utexas.edu/maps/middle_east_and_asia/malaysia_pol98.jpg (dilayari pada 9 hb Januari 2009)
- ³ Lihat Arnold Wolfers, *Discord and Collaboration* (Baltimore: John Hopkins University Press, 1962)
- ⁴ Lihat Hedley Bull, *The Anarchical Society: A Study of Order in World Politics* (New York: Columbia University Press, 1977).
- ⁵ Lihat Joseph Nye Jr, *Understanding International Conflicts: An Introduction to Theory and History*, 5th Ed. (London: Pearson Longman, 2005).
- ⁶ Lihat Barry Buzan, Weaver, Ole & de Wilde, Jaap, *Security A New Framework for Analysis*, (Boulder, COL: Lynne Rienner, 1998). Juga lihat Buzan, *People, States and Fear: An Agenda for International for International Security Studies in the Post-Cold War Era*, 2nded. (Boulder: Lynne Rienner, 1991).
- ⁷ Lihat Mohamed Ayoob, *The Third World Security Predicament: State Making, Regional Conflict, and the International System* (Boulder, COL: Lynne Rienner, 1995).
- ⁸ K. Booth & T. Dunne, *World in Collision: Terror and Future of Global Order* (Palgrave Macmillan: London, 2002), hlm. 1-10.
- ⁹ UNCLOS merujuk kepada United Nations Convention on the Law of the Sea dianggap sebagai perlembagaan maritime global. Sejak 1974 sehingga 1982 perundingan telah dibuat melibatkan delegasi Negara-negara yang telah menghasilkan UNCLOS 1982. Lihat William R Slomanson, *Fundamental Perspectives on International Law*, 4th Ed. (Belmont, CAL: Thomson West, 2003), hlm. 258.
- ¹⁰ Ramli Dollah, "Lanun atau Mundu di Sabah?" Kertas kerja yang telah dibentangkan di Seminar Antarabangsa Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14-16 Disember 2004.
- ¹¹ Ibid.
- ¹² Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters, & Marja Azlima Omar, "Pendatang Filipina Di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan", dalam *Jurnal JATI*, Bil. 8 (2003) hlm. 223.
- ¹³ Ahmad Kenajaan, "Ancaman Lanun dan Kesannya Terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam", (Diploma Kepolisian, Maktab Pegawai Kanan Polis, Cheras, 1996), hlm. 25.
- ¹⁴ Lihat Ramli Dollah, " Lanun atau Mundu di Sabah?."

- ¹⁵ Ibid.
- ¹⁶ Lihat Ahmad Kenajaan, "Ancaman Lanun dan Kesannya".
- ¹⁷ Ada sumber yang menyatakan bahawa KAS dibentuk oleh Manila bagi menangani perjuangan Moro. Pendapat ini masih boleh diperdebatkan.
- ¹⁸ Lihat Bryan Leifer, "Terrorist Organizations in Southeast Asia: Islamic Nationalism A unifying Theme." <http://www.ict.org.il/articles/articleDet.cfm?articleid=518>. (dilayari pada 20 April 2005).
- ¹⁹ Tiap orang tebusan yang diculik di Pulau Sipadan dibayar wang tebusan sebanyak USD 1 juta kepada KAS. Lihat Fenny Paul, "Penculikan Sipadanan dan Pandanan: Impak ke atas keselamatan Sabah" (Latihan ilmiah, Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial, UMS, 2002).
- ²⁰ <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2005/4/3/nation/10587362&sec=nation>
- ²¹ Komunikasi dengan Encik Hamzah Ishak, Direktorat Dasar Keselamatan Maritim, BKN, Jabatan Perdana Menteri pada 30 Mei 2005.
- ²² Mark Valencia, *Malaysia and The Law of the Sea* (Kuala Lumpur: ISIS, 1991).
- ²³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara* (Bangi: Penerbit UKM, 2001).
- ²⁴ Wan Shawaluddin Wan Hassan, "The Spratly Dispute and Major Power", dalam *Jurnal JATI*, Bil. 7 (2003).
- ²⁵ Malaysia memiliki lima buah pulau dan terumbu iaitu Pulau Layang-Layang, Terumbu Siput, Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani dan Terumbu Peninjau. Komunikasi dengan Encik Hamzah Ishak, Direktorat Dasar Keselamatan Maritim, BKN, Jabatan Perdana Menteri pada 30 Mei 2005.
- ²⁶ D.S Ranjit Singh, "Boundary Delineation in the Sabah-Indonesian-Philippine Region and the Sipadan and Ligitan Case in the ICJ", Inaugural Lecture, Universiti Malaya, 2004.
- ²⁷ Wan Shawaluddin Wan Hassan, "Bagaimana ICJ memutuskan Pulau Sipadan dan Ligitan milik Malaysia?" Kertas yang tidak diterbitkan, 2005.
- ²⁸ R. Haller-Trost, *The Contested Maritime and Territorial Boundaries of Malaysia An International Law Perspective* (Kluwer Law International, 1998), hlm. 486.
- ²⁹ *New Straits Times*, 18 November 2004.
- ³⁰ *New Straits Times*, 27 Februari 2005.
- ³¹ Barry Desker, "The Jemaah Islamiyah (JI) Phenomenon in Singapore" dalam *Contemporary Southeast Asia*. 25 (2003).
- ³² Jordan D. Winthrop, *The Americans: A History* (Evanston, Ill: Mcdougal, Littell & Company, 1992), hlm. 67.
- ³³ Selepas perang kerajaan Persekutuan telah membayar pampasan sebanyak USD 35 juta kepada penduduk Amerika keturunan Jepun ini. Lihat Ibid.
- ³⁴ Ganesan, N. "Factor affecting Singapore's foreign policy towards Malaysia", *Australian Journal of International Affairs*, Vol. 45, No.2 (1991), hlm. 189.
- ³⁵ *Daily Express*, 16 Februari 2005.
- ³⁶ Kamal Sadiq, "When States Prefer Non-Citizens Over Citizens: Conflict Over Illegal Immigration into Malaysia" dalam *International Studies Quarterly*, 49 (2005), hlm. 118.

- ³⁷ Perkara ini telah disentuh oleh Azizah Kassim. Lihat Azizah Kassim, "Illegal Immigrants and the State in Sabah: Conflicting Interests and the Contest of Will", dalam Azizah Kassim (Ed.), *Proceedings of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah* (Kota Kinabalu: Research Unit for Ethnography & Development, UMS, 2005), hlm. 1.
- ³⁸ Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters, & Marja Azlima Omar, 'Pendatang Filipina Di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan', dalam *Jurnal JATI*, Bil. 8 (Disember, 2003) hlm. 226.
- ³⁹ W. Shawaluddin Hassan & Ramli Dollah, "Pendatang Filipina di Sabah: Satu tinjauan awal dari sudut keselamatan" *Borneo 2002 Conference*, Kota Kinabalu, Julai 2002.
- ⁴⁰ Ramli Dollah, Fazli Hamid & Rizal Zamani Idris, "Jenayah dan Perbandaran: kajian Awal Ke atas Jenayah di kalangan Pendatang Asing di Kota Kinabalu Sabah", Kertas kerja Simposium Kebangsaan Dinamika Masyarakat Bandar: Ke arah Mencapai Kualiti Hidup Mapan, 18-19 Mei, 2004.
- ⁴¹ *New Straits Times*, 15 Mac 2003.
- ⁴² *Daily Express*, 13 Julai 2004.
- ⁴³ *Utusan Malaysia*, 7 Mei 2003.
- ⁴⁴ Che Moin Che Omar, "Overview of National Security Challenges with Special Focus on Sabah", dalam Mohd Yaakub Haji Johari et. al. *Reinventing Sabah: Global Challenges in Policy Responses* (Kota Kinabalu: IDS, 2003).
- ⁴⁵ *New Straits Times*, 27 January 2005.
- ⁴⁶ *New Straits Times*, 5 April 2005.
- ⁴⁷ Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah, "Impak dari Kehadiran Pendatang Filipina di kampung-Kampung Air Di Sabah: Satu Tinjauan" Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Serantau Kampong Ayer, Universiti Brunei Darussalam, Bandar Seri Begawan, 29-31 Januari, 2005.
- ⁴⁸ *Daily Express*, 13 Disember 2000.
- ⁴⁹ W. Shawaluddin W. Hassan & Ramli Dollah, "Ambalat: Ujian Diplomasi Malaysia-Indonesia", Kertas kerja yang telah dibentangkan di Siri Seminar Sekolah Sains Sosial ke 50, UMS, 30 Julai 2005.
- ⁵⁰ Ikhbal Hanam Mukras, "Konflik Gerakan Pemisah Moro di Selatan Filipina: Implikasi terhadap Keselamatan Malaysia", (Tesis Sarjana, UKM, 2004).
- ⁵¹ Melibatkan Kanada, Jerman, Australia. <http://www.apmforum.com/hariini/archives/000261.php> (dilayari 3 Mei 2005).
- ⁵² <http://www.sabah.gov.my/press/docs/2004000248.htm> (dilayari pada 3 Mei 2005).
- ⁵³ Mendoza, Diana & Lourdes F. Melegrito. "BIMP-EAGA in Context: Perspectives from the Philippines", dalam Abdul Maulud Yusuf et.al. eds. *Proceeding A Regional Conference on Academic Co-operation in BIMP-EAGA* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 1999).
- ⁵⁴ <http://www.medco.gov.ph/medcoweb/bimpmajor.asp> (dilayari pada 28 April 2005).
- ⁵⁵ Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah, "Impak dari Kehadiran Pendatang Filipina di kampung-kampung air".